

LAMPIRAN A
GARIS PANDUAN PELEPASAN DATA MIKRO UNTUK KEGUNAAN
PENYELIDIKAN

1. Pengenalan

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengguna data mikro.

2. Kegunaan Data Mikro

- a) Data Mikro yang dibekalkan hanya boleh digunakan untuk tujuan pembelajaran/kajian ilmiah/penyelidikan *statistical and analytical* oleh pensyarah dan pelajar yang dibenarkan sahaja.
- b) Dalam apa jua keadaan, data tidak boleh digunakan untuk tujuan mendapatkan keuntungan.

3. Data Manager

- a) Peranan *Data manager* adalah seperti berikut:
 - i. Bertanggungjawab untuk mengawal selia penggunaan data mikro DOSM di IPT;
 - ii. Bertindak sebagai penyelarasan di antara DOSM dengan IPT;
 - iii. Memastikan data yang dibekalkan di simpan dalam keadaan selamat;
 - iv. Memastikan prosedur penggunaan data mikro dipatuhi oleh pengguna; dan
 - v. Mengemukakan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program/ Aktiviti Di Bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara IPT dan DOSM beserta dengan Surat Aku Janji, Surat Pelupusan Data dan hasil penggunaan data mikro setiap pengguna pada setiap akhir tahun kepada DOSM.

4. Pengguna yang mempunyai akses kepada data mikro

- a) Data mikro DOSM hanya boleh digunakan untuk tujuan pembelajaran/kajian ilmiah/penyelidikan *statistical and analytical* oleh Pensyarah dan Pelajar yang berdaftar dengan IPT.

- b) Tanggungjawab Pengguna di IPT adalah seperti berikut:
- i. Data mikro yang telah diluluskan hendaklah digunakan bagi tujuan seperti yang dinyatakan dalam Surat Aku Janji sahaja;
 - ii. Data mikro tidak dibenarkan untuk diedarkan kepada pihak-pihak lain selain daripada pengguna yang dibenarkan di 4 (a) seperti yang telah dinyatakan dalam Surat Aku Janji;
 - iii. Tidak dibenarkan membuat sebarang pindaan kepada kandungan data mikro yang dibekalkan untuk mengekalkan integriti data;
 - iv. Pengguna bertanggungjawab sepenuhnya ke atas analisis dan tafsiran yang dihasilkan daripada penggunaan data mikro yang dibekalkan. DOSM tidak bertanggungjawab ke atas impak bagi sebarang tafsiran atau analisis yang dibuat oleh pengguna;
 - v. Menandatangani Surat Aku Janji bagi memastikan kerahsian data yang dibekalkan;
 - vi. Pengguna perlu menyatakan sumber data di dalam kajian (Contoh: Rekod Fail Penyiasatan Tenaga Buruh, 2012 Jabatan Perangkaan Malaysia);
 - vii. Memaklumkan tempoh tamat penyelidikan dan mengemukakan dokumen rekod Surat Pelupusan Data kepada *Data Manager* selepas selesai penggunaan data mikro untuk penyelidikan; dan
 - viii. Satu salinan laporan hasil kajian/penyelidikan/tesis hendaklah dikemukakan secara *hardcopy* dan *softcopy* kepada *Data Manager* untuk dipanjangkan kepada DOSM.

5. Lokasi Data Mikro Disimpan

Data mikro hendaklah disimpan di tempat yang selamat di Universiti (bergantung kepada pentadbiran Universiti).

6. Ketidakpatuhan Kepada Prosedur Pelepasan Data Mikro

Tindakan yang boleh diambil bagi ketidakpatuhan ialah seperti berikut:

- a) Amaran kepada Universiti & Pengguna; dan
- b) Diberhentikan pembekalan data.